

11/04/1997

Tunggu laporan BPR (HL)

Radzi Wahab; Kamal Ahmad; Rasid Rahaman  
KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpendapat Badan Pencegah Rasuah (BPR) perlu menentukan kesahihan laporan yang mengaitkan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dengan dakwaan pemilikan harta di Australia.

Menurut Perdana Menteri, jika laporan seumpama itu wujud, siasatan perlu ditentukan bagi menentukan sama ada tuduhan itu mempunyai asas atau sebaliknya.

Beliau, yang mengaku tidak mempunyai maklumat lanjut mengenai dakwaan itu akan menunggu laporan daripada BPR.

"Saya tak mahu mempengaruhi BPR. Terpulang kepada mereka untuk membuat siasatan," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, sekembalinya dari lawatan kerja ke Kuwait, Bahrain dan Pakistan, pagi ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa menteri.

Isnin lalu, Dewan Rakyat diberitahu, dakwaan mengenai pemilikan harta oleh Muhammad itu disiarkan dalam sebuah akhbar di Australia.

Ketika menggulung perbahasan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, Anwar memberitahu Dewan Rakyat, siasatan BPR ke atas Muhammad berhubung pemilikan wang tunai RM2.4 juta yang tidak diisytiharkan di Lapangan terbang Brisbane, Australia turut meliputi kes lain.

BPR turut menyiasat dakwaan berhubung pemilikan harta oleh Muhammad di Australia yang disiarkan dalam akhbar The Brisbane Courier Mail baru-baru ini.

Mengenai lapan anggota Exco kerajaan negeri disiasat kerana dakwaan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan, Perdana Menteri berkata siasatan perlu dilakukan untuk membuktikan kesahihan aduan.

"Ini biasa saja. Kalau ada syak mereka terbabit dengan rasuah, BPR akan menjalankan tugas untuk menyelidik sama ada tuduhan itu mempunyai asas atau tidak," katanya.

Akhbar hari ini melaporkan, lapan ahli Exco kerajaan negeri itu, yang disiasat sepanjang dua tahun lalu, disyaki terbabit dengan pelbagai penyelewengan yang turut merangkumi penerimaan rasuah sehingga berjuta ringgit.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan belum berhasrat untuk membenarkan Ketua Pengarah BPR diberikan kuasa semula bagi menentukan pendakwaan bagi sesuatu kes rasuah.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, kuasa penentuan sesuatu kes itu lebih baik diserahkan kepada Peguam Negara yang lebih arif mengenai perjalanan undang-undang.

"Saya tidak tahu ia punya kebaikan (berikan kuasa semula kepada Ketua Pengarah BPR). Tapi biasanya, kalau ada kes, kena serah kepada Peguam Negara.

"Kalau tidak nanti, mungkin salah dari segi undang-undang. Jadi, lebih baik bagi Peguam Negara meneliti kes itu bagi memastikan ia sah dari segi undang-undang," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz memberitahu Dewan Rakyat petang ini, BPR sudah menghantar empat pegawainya ke Brisbane bagi mendapatkan maklumat berhubung dakwaan Muhammad memiliki hartanah bernilai berjuta ringgit di

Australia.

"Cukup bagi saya menyatakan BPR sedang menjalankan siasatan terhadap Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997 peringkat jawatankuasa bagi pihak JPM.

Jurucakap BPR pula memberitahu Berita Harian, Pengarah Bahagian Siasatannya, Nordin Ismail mengetuai pasukan itu untuk mendengar perbicaraan kes Muhammad di Mahkamah Majistret Brisbane, esok.

Mereka berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, malam kelmarin.

Selain mendengar pembicaraan itu, pegawai terbabit akan mendapatkan kerjasama pihak berkuasa Australia memberikan maklumat mengenai kes lain yang tidak bersangkutan dengan kes asal.

(END)